

**PERATURAN PEMARKAHAN BAHASA MELAYU KERTAS 1 (1103/1) SET 1**

**SOALAN BAHAGIAN A (30 markah)**

**1. Format penulisan komen:**

- T - menepati tema**
- I - relevan, huraian jelas**
- B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas**
- P - sangat menarik dan berkesan**

*Gambar dan maklumat di bawah menunjukkan sebahagian daripada masalah kebersihan di kantin sekolah dan cadangan tindakan yang perlu diambil.*

*Sebagai seorang ahli Kelab Pengguna Sekolah, anda dikehendaki menulis **sepucuk surat** kepada pihak pentadbiran sekolah untuk mengadukan **masalah-masalah tersebut dan mencadangkan tindakan** yang perlu diambil.*

*Panjangnya surat anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.***

**2. Kehendak / tugas soal:**

- i. Calon dikehendaki menghantar surat kiriman rasmi kepada pihak pentadbiran sekolah untuk membuat aduan tentang masalah-masalah kebersihan kantin sekolah dan mencadangkan tindakan yang perlu diambil.
- ii. Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan maklumat yang diberikan seperti di bawah :
  - Masalah makanan yang disediakan terdedah kepada lalat (Bahan 1).
  - Keadaan kantin tidak dibersihkan selepas digunakan oleh murid-murid (Bahan 2)
  - Melakukan pemantauan supaya pengusaha kantin sekolah mematuhi prosedur penyediaan makanan dan sentiasa memastikan kantin dalam keadaan bersih (Bahan 3)
- iii. Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh.
- iv. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan dengan masalah kantin sekolah - diterima dan disemak seperti biasa.
- v. Jika calon tidak menyentuh semua bahan - maksimum peringkat **KEPUJIAN**
- vi. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
- vii. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan - maksimum peringkat **MEMUASKAN**.
- viii. Format: Surat kiriman rasmi
  - Format surat kiriman rasmi tidak lengkap - markah maksimum **KEPUJIAN**

## **SOALAN BAHAGIAN B (70 markah)**

### **1. Format penulisan komen:**

**T - menjawab tugas**

**I - relevan, huraian jelas, contoh sesuai**

**B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat**

**P - menarik dan berkesan**

### **Soalan 1**

1

Sambutan Hari Kebangsaan bukan sekadar mengimbuai perjalanan sejarah kemerdekaan negara kembali tetapi Sambutan Hari Kebangsaan merupakan pengisian kemerdekaan ke arah melahirkan masyarakat yang bersatu padu dan mempunyai jati diri. Masyarakat juga dapat menzahirkan rasa bangga menyambut hari penuh bermakna ini sekali gus menyemarakkan semangat cinta akan negara.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada  
*Berita Harian*, 30 Julai 2020

Berdasarkan petikan di atas, terdapat pelbagai kepentingan Sambutan Hari Kebangsaan kepada masyarakat.

Bincangkan.

### **Kehendak / tugas soal:**

1. Calon dikehendaki membincangkan kepentingan Sambutan Hari Kebangsaan kepada masyarakat seperti yang terdapat dalam petikan, iaitu:

- melahirkan masyarakat yang bersatu padu
- melahirkan masyarakat yang mempunyai jati diri
- menyemarakkan semangat cinta akan negara

### **Kemungkinan jawapan:**

1. Calon menghuraikan idea dalam petikan dan idea-idea lain - terima seperti biasa
2. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan - maksimum peringkat **KEPUJIAN**

## Soalan 2

2

Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man yang meninjau Sungai Kim Kim berkata pencemaran sungai itu berpunca daripada pelepasan air sisa daripada aktiviti premis dan pembuangan sisa berjadual. Katanya, untuk menjadikan sungai lebih terpelihara, kerajaan perlu menawarkan ganjaran berpatutan sekiranya masyarakat membuat aduan terhadap pihak yang membuang sisa di sungai selain meminda Akta Industri Perkhidmatan Air (2006) dan Akta Kualiti Alam Sekeliling (1974) untuk memperuntukkan hukuman lebih berat kepada pihak yang mencemarkan sungai.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada  
*Utusan Malaysia*, 13 Mac 2021

Petikan di atas menyatakan sebahagian daripada punca pencemaran sungai.

Sebagai pengerusi Kelab Pencinta Alam, anda dikehendaki menyampaikan syarahan yang bertajuk “Punca-punca Pencemaran Sungai”.

Tuliskan **syarahan** anda selengkapnya.

### **Kehendak / tugas soalannya:**

1. Calon dikehendaki menulis teks syarahan yang bertajuk “Punca-punca Pencemaran Sungai” dengan lengkap.
2. Calon perlu menghuraikan idea dalam dan luar petikan. Idea dalam petikan, iaitu:
  - pelepasan air sisa daripada aktiviti premis
  - pembuangan sisa berjadual

### **Contoh idea luar petikan:**

- pembuangan sampah sarap
  - aktiviti pembalakan yang tidak terkawal
  - aktiviti pertanian menggunakan bahan kimia yang berlebihan
3. Format syarahan:
    - Tidak ada kata alu-aluan dan panggilan hormat - markah maksimum **KEPUJIAN**

### **Kemungkinan jawapan:**

1. Calon menghuraikan idea yang terdapat dalam petikan sahaja, maksimum **KEPUJIAN**

## Soalan 3

3

Sukan elektronik atau e-sukan telah menjadi antara kerjaya yang menjanjikan pendapatan lumayan. Platform media sosial popular iaitu Facebook (FB) menyediakan ruang untuk penstriman video dan kaedah ini membuka peluang kepada pemain untuk menjana pendapatan menerusi mekanisme kiriman bintang. Selain itu, kemahiran berkomunikasi dan sikap bekerjasama juga mampu dipupuk melalui sukan ini sekali gus menyebabkan Kementerian Pendidikan Malaysia sangat menggalakkan pelajar terlibat dalam sukan elektronik ini.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada  
*Harian Metro*, 15 September 2020

Berikan pendapat anda tentang kebaikan-kebaikan sukan elektronik atau e-sukan.

**Kehendak / tugas soal:**

1. Calon dikehendaki menghuraikan kebaikan-kebaikan sukan elektronik atau e-sukan seperti yang terdapat dalam petikan, iaitu:
  - menyediakan ruang untuk penstriman video
  - membuka peluang kepada pemain untuk menjana pendapatan menerusi mekanisme kiriman bintang
  - memupuk kemahiran berkomunikasi dan sikap bekerjasama

**Kemungkinan jawapan:**

1. Calon menghuraikan idea dalam petikan dan idea-idea lain - terima seperti biasa
2. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan - maksimum peringkat

**KEPUJIAN**

**Soalan 4**

4

Menurut Profesor Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim, kesedaran generasi kini terhadap kepentingan sejarah dapat disifatkan sekadar bermusim kerana kebiasaannya ramai pelajar akan mula mengambil kisah mengenainya hanya menjelang Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia. Menurut beliau, pembelajaran sejarah membolehkan pelajar lebih bersifat patriotik dan mengenali negara sendiri.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada  
*Berita Harian*, 3 Oktober 2018

Pada pendapat anda, selain kepentingan yang dinyatakan dalam petikan di atas, apakah kepentingan pelajar mempelajari sejarah?

**Kehendak / tugas soal:**

1. Calon dikehendaki menghuraikan kepentingan pelajar mempelajari sejarah yang tidak terdapat dalam petikan.

**Kemungkinan jawapan:**

1. Calon menghuraikan idea daripada petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
2. Calon menghuraikan idea dalam dan luar petikan – terima seperti biasa

**Bahagian A dan B**

Jika calon menulis idea dalam bentuk poin, markah - **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**

**Bahagian B**

- Bilangan perkataan 511 dan ke atas - maksimum peringkat **KEPUJIAN**
- Bilangan perkataan 339 dan ke bawah - maksimum peringkat **BAIK**

